

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 31 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 19

---

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1532-L12158  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan dan input dari inisiatif Sarana Ibu Bapa dan Sarana Sekolah untuk menjajarkan semula kurikulum pendidikan rendah agar penguasaan bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dipertingkatkan serta menanam minat tinggi terhadap bidang sains dan matematik.
2. PN-1532-L11970  
**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jangka masa yang diperlukan bagi menjayakan enam fokus utama seperti mana digariskan Kementerian yang berupaya menjadi pengubah keadaan (*game changer*) untuk pembangunan desa khususnya membabitkan 15,000 kampung di seluruh negara.
3. PN-1532-L11664  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perkembangan pembinaan Rumah Pam Kemubu 3 (KADA) bagi mengatasi masalah kekurangan sumber air yang terpaksa ditanggung oleh pesawah ketika musim kemarau serta langkah-langkah untuk memastikan penggunaan air yang efisien dan lestari.
4. PN-1532-L11921  
**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat skop perparitan yang holistik dalam rancangan pembinaan Lebuh raya Pan Borneo.

5. PN-1532-L11901  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peratusan penggunaan Skim Perubatan MADANI oleh golongan B40 dan M40 sepanjang suku kedua 2024.
6. PN-1532-L11578  
**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah penelitian Kementerian terhadap koperasi mikro yang tidak aktif di bawah kendalian agensi Kementerian dan apakah inisiatif yang sedang dirangka Kementerian bagi membantu memulihkan koperasi mikro yang mengalami kesukaran untuk beroperasi.
7. PN-1532-L11586  
**Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini pelaksanaan pelantar pembelajaran digital, DELIMa yang diperkenalkan sejak 2019 dan sejauh manakah keberkesanan program ini kepada para pelajar dalam mengaplikasikan pengajaran kecerdasan buatan (AI) dalam kehidupan seharian.
8. PN-1532-L11617  
**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah Tabika Perpaduan di seluruh negara dan adakah kewujudan Tabika Perpaduan ini telah berjaya memupuk semangat perpaduan yang tinggi dalam kalangan murid.
9. PN-1532-L11549  
**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah Kementerian telah melaksanakan penilaian terhadap dasar pembangunan dan pengoperasian sistem aplikasi berteraskan teknologi angkasa seperti aplikasi Penentuan Kawasan Berpotensi bagi Penangkapan Ikan (FSI).
10. PN-1532-L12022  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
  - (a) langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan rawatan kesihatan mental di seluruh negara; dan
  - (b) adakah terdapat cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan mental terutamanya di kawasan luar bandar.

11. PN-1532-L11593

**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah statistik kanak-kanak autisme ketika ini; dan
- (b) apakah terdapat keperluan untuk mewujudkan silibus khas bagi memastikan kemenjadian kanak-kanak golongan ini jika bersekolah di sekolah harian biasa.

12. PN-1532-L12301

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah strategik susulan yang diambil untuk manfaat negara daripada perkembangan wujudnya 17 buah institusi pendidikan tinggi di Republik Rakyat China yang menawarkan kursus peringkat ijazah, diploma dan kursus elektif dalam bidang bahasa/pengajian Melayu.

13. PN-1532-L12018

**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah persediaan dan strategi jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan untuk menangani kadar pengangguran yang disebabkan oleh penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dari segi tenaga kerja negara .

14. PN-1532-L12096

**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) usaha-usaha yang dilakukan untuk menangani masalah *cyberbullying* yang dialami oleh satu daripada lima remaja; dan
- (b) langkah-langkah keselamatan digital yang disediakan dan bagaimana Kementerian memastikan platform digital lebih selamat untuk remaja.

15. PN-1532-L11839

**Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan telah meneliti implikasi penyertaan Malaysia dalam Blok Ekonomi Organisasi Antara Kerajaan, Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan (BRICS) ke atas hubungan dan kerjasama dengan negara-negara bukan anggota BRICS, khususnya kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

16. PN-1532-L11463

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek pembinaan *flyover* di simpang bandar Saratok di bawah Lebuhraya Pan Borneo dijangka dimulakan. Ini memandangkan kesesakan lalu lintas dan juga kemalangan maut sering terjadi.

17. PN-1532-L11863

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) garis masa Kerajaan untuk menyempurnakan pemilihan konsortium untuk pembinaan Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR); dan
- (b) adakah Kerajaan memberikan jaminan kepada pembiayaan pinjaman untuk projek ini.

18. PN-1532-L11509

**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi-strategi pihak Kerajaan dalam menerima pakai dan melaksanakan revolusi industri 4.0.

19. PN-1532-L11762

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah tuntutan saman kenderaan yang berdaftar di luar negara dan melakukan kesalahan trafik di Malaysia; dan
- (b) berapakah unjuran pihak Kementerian terhadap hasil yang akan diperoleh setelah pelaksanaan Permit Kemasukan Kenderaan (VEP) bermula Oktober nanti.

20. PN-1532-L11960

**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah pemantauan yang dijalankan oleh Kerajaan mengenai kegiatan jaringan perisikan oleh negara asing dalam Malaysia.

21. PN-1532-L12230

**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan justifikasi Survei Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang terkini mengambil kira keadaan ekonomi semasa dari sudut baki pendapatan boleh guna (*net disposable income*).

22. PN-1532-L11812

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) rasional dan kewajaran langkah yang diambil Kerajaan terhadap pelaksanaan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) diambil sebagai syarikat persendirian sekali gus Bursa Saham akan kehilangan satu lagi syarikat berkualiti yang mempunyai nilai RM18 bilion; dan
- (b) setakat mana usaha penanguhan dalam pemberian kepentingan sebanyak 30 peratus kepada gabungan Global Infrastructure Partners (GIP) yang berpangkalan di Amerika Syarikat dan Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) yang ada kaitan dengan BlackRock, firma pelaburan yang pro-Israel.

23. PN-1532-L11559

**Senator Puan Anna Bell @ Suzieana Binti Perian** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan perkembangan dan mekanisme untuk memantau para usahawan terutama usahawan muda yang menerima geran-geran perniagaan daripada Kerajaan melalui Kementerian.

24. PN-1532-L11886

**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pendekatan baharu yang diguna pakai oleh Kementerian dalam menangani sindiket penipuan tawaran kerja dalam talian yang dilihat semakin berleluasa serta apakah tindakan penguatkuasaan yang bakal diambil terhadap syarikat atau individu yang terlibat.

25. PN-1532-L11684

**Senator Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dirangka bagi memastikan Pendidikan Science, Technology, Engineering, and Mathematics (STEM) kembali menjadi pilihan utama pelajar dan apakah sasaran yang diletakkan oleh Kementerian dalam tempoh lima tahun akan datang bagi meningkatkan pelajar lepasan STEM.

26. PN-1532-L11705

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan garis panduan tahap keselamatan yang ditetapkan bagi jenis balai polis yang berbeza di sekitar negara dan apakah langkah yang diambil untuk memastikan insiden serangan berdarah yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram dan cubaan pencerobohan Balai Polis Dato Keramat tidak berulang.

27. PN-1532-L11934  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan pekerja menikmati keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan (*work-life balance*).
28. PN-1532-L11501  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memacu transformasi digital merentasi pelbagai industri dan perkhidmatan awam di Malaysia.
29. PN-1532-L12069  
**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) pecahan terperinci bagaimana peruntukan tambahan RM200 juta ini akan diagihkan kepada setiap bidang seperti kenderaan elektrik, keselamatan siber, kecerdasan buatan, bahan termaju, teknologi elektronik, mekanisasi ladang dan automasi pertanian, dan penternakan; dan
  - (b) garis masa untuk penggunaan dana RM200 juta ini.
30. PN-1532-L12087  
**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian masih menjalankan operasi penguatkuasaan larangan merokok di restoran dan premis makanan dan apakah penilaian Kementerian terhadap tahap penguatkuasaannya; dan
  - (b) adakah Kementerian mempunyai sebarang kerjasama antara agensi (*cross-agency collaboration*) seperti bekerjasama dengan PDRM atau Majlis Perbandaran dalam menguatkuasakan larangan merokok di premis makanan.
31. PN-1532-L11539  
**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pengguna pengangkutan awam Mutiara Rentas Desa (MRD) dan adakah terdapat keperluan dalam penambahan Bas Mini bagi menambah kekerapan dan laluan bas ke kawasan-kawasan luar bandar di Kelantan.

32. PN-1532-L11709

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan insentif dan usaha yang telah dibuat untuk merangsang pelaburan domestik di negara ini serta apakah usaha khusus terkini yang telah dilakukan semenjak pengumuman Ekonomi MADANI di mana pelaburan domestik dinyatakan sebagai fokus negara.

33. PN-1532-L11442

**Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan murid-murid Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berjaya dalam ekonomi global.

34. PN-1532-L12045

**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah atlet yang telah disenaraikan dalam program Road To Gold 2024, objektif program ini dan langkah-langkah pemantauan untuk memastikan negara menamatkan kemarau pingat emas Sukan Olimpik; dan
- (b) setakat hari ini, berapakah peruntukan telah dibelanjakan untuk program ini mengikut setiap atlet.

35. PN-1532-L12238

**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah litigasi dan komitmen Kerajaan terhadap isu kecurian kabel komunikasi sehingga menyebabkan gangguan perkhidmatan.

36. PN-1532-L12150

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pelan strategik Kementerian yang terbaik bagi mengupayakan syarikat-syarikat pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) agar pulangan dan hasil perolehan LTAT memberi impak ekonomi berganda kepada semua pencarum.

37. PN-1532-L12280

**Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang dikenakan terhadap pekerja-pekerja negara Bangladesh yang tamat visa mereka dan yang sudah tiada kerja.

38. PN-1532-L11995

**Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam mengurangkan ubah suai tangki kenderaan bagi mengelakkan kegiatan penyeludupan bahan api seperti petrol dan diesel ke negara jiran.

39. PN-1532-L12120

**Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menjelaskan pelan strategi dan rangka tindakan menyeluruh dalam menangani isu bencana alam yang kian membimbangkan di negara Malaysia.

40. PN-1532-L11745

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) jumlah menara telekomunikasi yang telah dibina di kawasan Julau serta berapakah jumlah menara yang boleh beroperasi yang dipasang piring penerima dan pemancar telekomunikasi; dan
- (b) adakah Kementerian membuat kajian yang terperinci berhubung pembinaan menara telekomunikasi bagi mengelakkan isu pembinaan menara telekomunikasi tanpa piring penerima dan pemancar telekomunikasi.

41. PN-1532-L12130

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan cukai-cukai baru dan adakah cukai-cukai ini akan membebaskan rakyat akibat kos sara hidup yang meningkat secara mendadak.

42. PN-1532-L11534

**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan termasuk tindakan yang telah dan sedang diambil dalam membantu pemilik rumah projek terbengkalai yang terpaksa membayar balik pinjaman rumah bagi rumah yang belum siap.

43. PN-1532-L11800

**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah matlamat jangka panjang yang dihasratkan menerusi pemeteraian perjanjian persefahaman antara SME Corp. dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan bagaimanakah pemeteraian tersebut berupaya mendorong kepada kemapanan sektor keusahawanan berskala kecil dan sederhana di Sabah.

44. PN-1532-L11568

**Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pandangan Kementerian mengenai cadangan Kerajaan untuk membawa tenaga pengajar bahasa Inggeris dari Singapura sebagai sukarelawan bagi membantu meningkatkan penguasaan bahasa berkenaan di kawasan pedalaman dan sejauh manakah cadangan ini memberi kesan terhadap graduan dan guru Bahasa Inggeris tempatan.

45. PN-1532-L12051

**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah berlaku keadaan di mana sesetengah penyakit kanser tidak dapat dirawat dengan First Line Chemotherapy yang baru disebabkan oleh kekangan peruntukan. Jika ya, apakah kanser-kanser tersebut dan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk menangani isu ini.

46. PN-1532-L12026

**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah tindakan susulan Kementerian bagi membanteras aktiviti penyalahgunaan dadah yang dilaporkan semakin meningkat iaitu daripada 123,139 pada 2021 dan 137,176 pada 2022 kepada sekitar 145,000 pada tahun 2023; dan
- (b) apakah status kawalan atas *vape* berperisa cendawan yang mengandungi bahan aktif halusinogen yang kian teruk menular.

47. PN-1532-L11641

**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah faedah ekonomi yang akan diperolehi oleh Malaysia sebagai negara Asia Tenggara pertama yang akan menjadi ahli kepada BRICS yang merupakan blok ekonomi yang sedang pesat membangun merangkumi negara-negara seperti Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan.

48. PN-1532-L12055  
**Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan Kementerian dan insentif yang boleh diberikan untuk menggalakkan penyedia latihan sektor swasta untuk menyediakan latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pemasangan dan penyelenggaraan Electric Vehicle (EV) dan pengecas EV memandangkan bahawa permintaan pekerja dalam sektor ini amat tinggi.
49. PN-1532-L11770  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kekangan yang dihadapi oleh Kementerian untuk memperluaskan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) di Sarawak sehingga menyebabkan ramai kanak-kanak tanpa dokumen diri yang layak masih tidak menerima pendidikan yang sepatutnya.
50. PN-1532-L11987  
**Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini mengenai pengiktirafan Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia dan apakah pendekatan yang diambil oleh KESUMA untuk memastikan kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).
51. PN-1532-L12210  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang dibuat di peringkat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan agensi-agensi agama di peringkat persekutuan dalam mengekang orang Islam daripada terlibat dengan amalan judi termasuk secara dalam talian.
52. PN-1532-L11945  
**Senator Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah status cadangan pembinaan Empangan Sungai Telum di Ulu Jelai, Daerah Lipis, Pahang dan pembinaan Empangan Sungai Nenggiri di Hulu Kelantan, Jajahan Gua Musang, Kelantan.
53. PN-1532-L11471  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian mencapai sasaran untuk membawa pelancong asing melawat Malaysia setakat ini memandangkan pelancongan adalah salah satu strategi untuk meningkatkan ekonomi Malaysia di bawah Ekonomi MADANI.

54. PN-1532-L11613

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mengikut statistik di Malaysia, kemiskinan di luar bandar adalah sangat tinggi. Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang serta tempoh masa bagi menurunkan kadar kemiskinan terutama di kawasan luar bandar di Sarawak dan Sabah.

55. PN-1532-L11859

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian mengenai isu-isu kontroversi berkaitan pelaksanaan sekurang-kurangnya satu kelas sains dan matematik diajar dalam Bahasa Malaysia memandangkan Malaysia telah memperkenalkan *Dual Language Program* (DLP) pada tahun 2016 untuk membolehkan sains dan matematik diajar dalam bahasa Inggeris.

56. PN-1532-L12325

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pertimbangan Kerajaan untuk memberikan visa pendidikan bagi pelajar luar negara yang hendak mengikuti kursus jangka pendek di negara ini.

57. PN-1532-L11720

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah rasional pelaksanaan Diesel Bersubsidi (*fleet card*) dan pemberian subsidi RM200 di bawah inisiatif BUDI MADANI serta BUDI Agro-Komoditi dalam menyerap impak kenaikan harga barang susulan langkah penyesaran subsidi diesel.

58. PN-1532-L11521

**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk menilai dan menambah bilangan Ahli Dewan Negara bagi mewakili negeri-negeri sesuai dengan penambahan kadaran penduduk, serta bilangan kerusi di Dewan Undangan Negeri yang juga telah bertambah.

59. PN-1532-L12319

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah langkah susulan yang dilakukan untuk mengatasi isu 25 buah sungai di enam buah negeri yang dikategorikan sebagai sungai tercemar, sebagaimana yang dilaporkan dalam pernyataan media Menteri pada 6 Jun 2024.

60. PN-1532-L12035

**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status penguatkuasaan untuk Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852). Adakah semua perintah di bawah akta ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

61. PN-1532-L11697

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) usaha yang diambil untuk memperluaskan kursus asas asuhan kanak-kanak berkeperluan khas kepada pihak yang mengendalikan taska/pusat jagaan; dan
- (b) adakah sebarang kajian telah dibuat untuk mendedahkan bilangan kanak-kanak istimewa di peringkat taska/pusat jagaan dan keperluan untuk mewajibkan kursus seperti ini.

62. PN-1532-L11625

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pelan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian bagi mengurangkan migrasi belia ke ibu kota dan sebaliknya mengukuhkan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar yang lebih lumayan.

63. PN-1532-L12341

**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasionalisasi penswastan MAHB (Malaysia Airports Holdings Berhad) serta jangkaan kejayaannya dan cabaran yang akan dihadapinya.

64. PN-1532-L12063

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memperkenalkan Permit Masuk Kenderaan (VEP) bagi mengawal kemasukan kenderaan ke Sarawak dari Kalimantan pada masa hadapan.

65. PN-1532-L11483

**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah kewangan yang dihadapi oleh FELDA dan memastikan kestabilan kewangan bagi peneroka ; dan

- (b) bagaimanakah Kementerian memastikan pengurusan dan tadbir urus yang telus serta berkesan dalam FELDA.
66. PN-1532-L12138  
**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Projek Perumahan Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Apakah perancangan pihak Kerajaan untuk meluaskan projek tersebut di seluruh negara.
67. PN-1532-L11851  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-
- (a) anggaran jumlah elektrik yang diperlukan untuk menyokong operasi pusat data; dan
- (b) adakah Kerajaan mengambil kira penggunaan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui untuk pusat data di bawah Peta Laluan Transisi Tenaga Kebangsaan (NETR).
68. PN-1532-L11754  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam menghadapi isu kritikal berhubung kekurangan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) yang membebankan sistem kesihatan negara dan bagaimanakah langkah-langkah berkenaan akan membantu memulihkan situasi sebenar di lapangan.
69. PN-1532-L12218  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan faktor merosotnya Ranking Daya Saing Global (WCR) bagi negara Malaysia berbanding negara jiran seperti Thailand dan Indonesia dan apakah langkah Kerajaan bagi memulihkan semula kedudukan tersebut.
70. PN-1532-L11672  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pendirian pihak Kerajaan mengenai isu fahaman '*childfree*' dalam perkahwinan dan apakah langkah-langkah untuk mengatasi fahaman tersebut di dalam masyarakat .

71. PN-1532-L12222  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasionalisasi dan justifikasi Kerajaan ingin membawa masuk guru Bahasa Inggeris dari Singapura untuk berkhidmat di kawasan miskin bandar, pedalaman, Sabah dan Sarawak.
72. PN-1532-L12198  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian dalam mempromosikan gaya hidup sihat supaya belia negara dapat dijauhkan daripada penggunaan *vape* dan rokok kerana Indeks Belia Malaysia 2023 menyatakan bahawa merokok dan *vape* telah menjadi gaya hidup dalam kalangan belia negara.
73. PN-1532-L11893  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan peratusan pertumbuhan ekonomi untuk subsektor minuman dan makanan di kala kebanyakan pemain industri perniagaan minuman dan makanan mengalami tekanan akibat gerakan boikot terhadap jenama luar berbanding produk jenama tempatan.
74. PN-1532-L11873  
**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam mempergiat promosi berkaitan dengan program subsidi kesihatan seperti skim perubatan MADANI kepada rakyat dan adakah terdapat sebarang laporan penyalahgunaan inisiatif kerajaan itu yang direkodkan oleh Kementerian.
75. PN-1532-L11831  
**Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini berhubung untuk tindakan Kementerian dalam memulakan kajian terhadap pelaksanaan sistem sekolah satu aliran dalam sistem pendidikan negara.
76. PN-1532-L12057  
**Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi menghapuskan salah guna kuasa, menghentikan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan bagi meningkatkan tadbir urus Kerajaan ke aras kecekapan dan ketelusan.

77. PN-1532-L11676

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan mekanisme untuk mencapai sasaran pengurangan penggunaan beg plastik untuk pembelian runcit merentasi semua sektor perniagaan di seluruh negara menjelang tahun 2025 selaras dengan Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030 .

78. PN-1532-L12016

**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk membendung gejala buli yang semakin agresif di kalangan pelajar dan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan satu Akta khusus untuk membendung gejala ini.

79. PN-1532-L11491

**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan prevalens penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, hipertensi, dan penyakit jantung; dan
- (b) bagaimanakah program pencegahan dan kesedaran mengenai gaya hidup sihat sedang dilaksanakan di peringkat nasional.

80. PN-1532-L11633

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah belia yang di latih kemahiran ilmu gunting rambut di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) & institusi lain di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) seluruh negara serta jumlah statistik kejayaan di lapangan kerja.

81. PN-1532-L12170

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan penyesaran semula subsidi petrol RON95.

82. PN-1532-L11733

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah statistik jumlah terkini permohonan Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) yang telah diluluskan dan adakah Kerajaan telah meluluskan semua permohonan IKR yang telah dimohon sehingga kini.

83. PN-1532-L12263

**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pegawai perubatan siswazah yang ditempatkan di setiap hospital KKM di Negeri Sembilan menerusi sistem e-Houseman bagi siri lantikan yang pertama, kedua dan ketiga dan sejauh manakah penempatan tersebut berupaya meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dengan mengambil kira peningkatan jumlah pesakit.

84. PN-1532-L11514

**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah cabaran negara dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan apakah strategi yang diguna untuk mengatasi cabaran tersebut.

85. PN-1532-L11977

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini kempen Skim Insentif Solar Rakyat (SolaRIS) melalui insentif bersasar dalam usaha menggalakkan penggunaan tenaga solar di kediaman-kediaman seluruh negara.

86. PN-1532-L11768

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah program kontingensi Kerajaan bagi tempoh jangka masa panjang selain daripada memberi bantuan berbentuk kewangan atau *in-kind* kepada golongan sasaran yang terkesan akibat bencana yang berbentuk konsep pengurusan risiko dalam memastikan pemain industri agromakanan dapat meneruskan kesinambungan projek-projek agromakanan seterusnya memastikan keterjaminan bekalan makanan negara tidak terganggu.

87. PN-1532-L11938

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah dan strategi Kementerian dalam meningkatkan kecekapan latihan dan perkembangan kemahiran di Malaysia. Nyatakan langkah-langkah khusus untuk memastikan bahawa Malaysia tidak hanya bergantung kepada kemahiran yang ada dalam negara tetapi juga menjemput pakar-pakar antarabangsa untuk menyemai dan membangun kemahiran bertahap dunia kepada tenaga kerja tempatan.

88. PN-1532-L12075

**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) respons Kerajaan terhadap laporan survei bahawa 26 peratus daripada warga emas terpaksa bekerja sehingga jatuh sakit; dan
- (b) perancangan Kerajaan terhadap reformasi rangka kerja pencen dan persaraan bagi memastikan keselamatan kewangan untuk semua rakyat Malaysia.

89. PN-1532-L11456

**Senator Tuan Isaiiah A/L D Jacob** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian pihak Kerajaan dalam menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Kurang Upaya (OKU) di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai satu Jabatan bebas bagi menjaga hak OKU di Malaysia.

90. PN-1532-L12190

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pengeluaran dari akaun fleksibel KWSP yang dibuat oleh para pencarum selepas KWSP memperkenalkan akaun fleksibel serta apakah usaha Kerajaan untuk memastikan ia tidak menjejaskan kedudukan kewangan KWSP.

91. PN-1532-L12286

**Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai kuasa Dewan Bahasa dan Pustaka bagi memperkuatkan dan memperkukuhkan Bahasa Malaysia.

92. PN-1532-L12178

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan hasrat Kerajaan dalam menyertai BRICS serta kesan terhadap geopolitik terutamanya hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat.

93. PN-1532-L12331

**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha yang sedang dilakukan terhadap penyakit seperti Norovirus dan Rotavirus yang sedang berleluasa di negara luar serta adakah terdapat bekalan ubat dan kebersediaan tenaga pakar dalam menghadapi *outbreak* ini.

94. PN-1532-L11881

**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kepentingan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada masa hadapan pembangunan negara serta apakah impaknya kepada pelajar, industri dan masyarakat.

95. PN-1532-L12110

**Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian dalam menyediakan kemudahan dan khidmat profesional semasa berlakunya satu-satu kes dan juga khidmat susulan dalam menguruskan mangsa-mangsa gangguan mental, seksual, emosi, dan fizikal yang semakin membimbangkan.

96. PN-1532-L11450

**Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) komitmen pihak Kerajaan dalam memastikan sekurang-kurangnya ada seorang wakil Orang Kurang Upaya (OKU) di dalam setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
- (b) usaha yang telah dan akan diambil oleh Kementerian dalam menyelesaikan isu-isu OKU di peringkat PBT.

97. PN-1532-L11792

**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sasaran nilai eksport minyak sawit ke Kesatuan Eropah serta potensi perdagangan komoditi 'kalis stigma' rentetan daripada pemeteraian komitmen bersama antara Malaysia dengan Kesatuan Eropah terhadap EU Deforestation Regulation (EUDR) yang menggariskan prinsip anti pembalakan dalam setiap aspek penghasilan serta bekalan komoditi minyak sawit.

98. PN-1532-L11731

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil yang diperoleh dalam sesi libat urus yang telah diadakan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) sehingga hari ini khususnya melibatkan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dalam usaha untuk memperkukuhkan undang-undang Islam dalam negara.

99. PN-1532-L12289

**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mempertimbangkan penambahan peruntukan dalam menangani isu krisis air di Universiti Malaysia Sabah (UMS) memandangkan kapasiti air yang dihasilkan dari projek sedia ada masih tidak dapat menampung keperluan semasa warga Universiti.

100. PN-1532-L12202

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha yang telah dilakukan dan hasil daripada program pemerksaan unit Research & Development (R&D) Kementerian terutamanya MARDI bagi memaksimumkan penghasilan pertanian negara serta perancangan seterusnya di pihak Kementerian dalam merencanakan lagi program R&D ini.

101. PN-1532-L11476

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah peruntukan pembangunan daripada Kementerian yang telah diluluskan dan disalurkan untuk Sarawak pada tahun ini dan berapakah yang telah disalurkan kepada Sarawak pada tahun ini.

102. PN-1532-L12270

**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah Kementerian akan mempertimbangkan strategi desentralisasi punca kuasa kepada Kerajaan negeri khususnya bagi negeri Sabah dan Sarawak dalam konteks diplomasi perdagangan dan ekonomi mengambil kira kedudukan geografi kedua-dua negeri yang sangat signifikan dalam sub-rantau Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA).

103. PN-1532-L12254

**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bentuk sokongan berterusan yang disediakan kepada mana-mana Orang Kurang Upaya (OKU) yang pernah menjadi mangsa penganiayaan terhadap sebarang bentuk keganasan fizikal sama ada yang dilaporkan kepada pihak polis atau mana-mana organisasi bukan kerajaan (NGO).

104. PN-1532-L11605

**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah intervensi terkini pihak Kerajaan dalam membendung jenayah penipuan kerja dalam talian yang menyebabkan ramai rakyat Malaysia menjadi mangsa dan dipenjarakan di negara asing.

105. PN-1532-L11865

**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah strategi dan langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan inisiatif '1 Rumah 1 Jalur Gemilang' yang bertujuan menyemarakkan semangat sambutan Bulan Kebangsaan tahun 2024 tersebut boleh berjaya.

106. PN-1532-L11654

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan dengan terperinci jumlah terkini dan kemajuan (*progress*) kerja-kerja penambahbaikan jalan-jalan ke perkampungan Orang Asli di pedalaman seluruh Semenanjung Malaysia.

107. PN-1532-L11820

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) faktor-faktor bagi dua kesalahan utama bank iaitu kegagalan institusi kewangan menjalankan penilaian wajar terhadap pelanggan dan kegagalan menjalankan saringan sekatan pada saat penerimaan pelanggan yang melibatkan nilai berbilion ringgit; dan
- (b) punca jenayah wang haram berleluasa di negara ini serta rantau Asia Tenggara.

108. PN-1532-L12308

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah kesan langsung dan kesan tidak langsung terhadap kos pengangkutan akibat kenaikan harga diesel dan juga kesannya terhadap harga barang.

109. PN-1532-L12001

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953 akan dikaji semula dengan membuat pindaan tertentu bagi menangani perjudian dalam talian dan penganjuran perjudian secara haram yang semakin berleluasa pada era digital ini.

110. PN-1532-L11780

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) status terkini berkenaan pindaan Akta 134, Akta Orang Asli 1954 yang telah dan yang sedang dilaksanakan; dan

- (b) sama ada draf pindaan sudah tersedia dan bilakah proses libat urus akan dilakukan bersama pihak berkepentingan/*stakeholders*.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 7/2024) Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhadap (Pindaan) 2024  
**[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
  
2. (D.R. 21/2024) Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024  
**[ Menteri Digital ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
  
3. (D.R. 17/2024) Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
  
4. (D.R. 22/2024) Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**